

Majlis Ulama ditubuh secepat mungkin

1111 1 MAR 2002

SEPANG 28 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Majlis Perundingan Ulama Negara (Majlis Ulama) akan ditubuhkan secepat mungkin dan dianggotai oleh mereka yang bebas daripada pengaruh politik.

Menurut Perdana Menteri, bagaimanapun kerajaan akan turut mengambil bahagian dalam majlis tersebut.

“Ya, mereka terdiri daripada ulama yang bebas daripada politik tetapi sebagai kerajaan, kita perlu ambil bahagian juga,” katanya kepada pemberita di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai langkah kerajaan untuk menubuhkan Majlis Ulama yang bertujuan menyelesaikan isu-isu berkaitan agama Islam.

Kelmarin, Timbalan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa kerajaan tidak bercadang mengambil anggota Majlis Ulama dari kalangan wakil parti-parti politik yang beraliran Islam seperti cadangan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Dalam pada itu, mengulas kritikan beliau terhadap ulama Islam ketika berucap pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York 3 Februari lalu, Dr. Mahathir berkata, beliau dapati ramai yang mendakwa diri mereka ‘ulama’ sebenarnya bukan ulama.

Sebaliknya, mereka adalah ulama politik yang hanya cuba menghalalkan segala kesalahan yang dilakukan oleh parti politik tertentu.

“Mereka menggunakan pengaruh untuk mengelirukan penganut Islam sebab itu saya mengancam mereka kerana mereka mendakwa hanya mereka sahaja yang berhak memerintah sesebuah negeri.

“Ini kenyataan yang dibuat oleh mereka. Kalau mereka orang terpelajar dalam bidang agama, kita tak ada masalah tetapi janganlah kata seseorang yang mempunyai pelajaran dalam agama adalah pakar dalam semua bidang,” katanya.

Tegas beliau: “Ini tak benar sama sekali tetapi mereka mendakwa hanya mereka sahaja boleh memerintah”.

Ditanya sama ada ulama politik yang dimaksudkan oleh beliau adalah daripada Pas, Dr. Mahathir berkata:

“Ucapan saya umum dan kita tahu dalam Islam sendiri terdapat banyak ulama dan ada pengikut seperti Imam Al-Ghazali, Hanafi, Hambali dan Shafie.

“Tetapi orang ini tidak ada kepentingan politik”.

Sementara itu, ketika diwawancara oleh stesen televisyen satelit *Al-Jazeera* yang disiarkan secara langsung dari London, pagi ini, beliau

berkata, kritiknya terhadap sebahagian ulama Islam sebagai penyebab kemunduran ummah bukan untuk membersihkan imej dirinya dan Malaysia kepada Barat.

Sebaliknya, tegas beliau, itu adalah pendiriannya sejak sekian lama kerana terdapat ulama yang mempunyai pandangan yang boleh menjejaskan perpaduan ummah.

Contohnya, kata beliau, ada ulama berpandangan bahawa umat Islam perlu mempelajari ilmu-ilmu agama sahaja dan tidak perlukan ilmu sekular atas alasan tidak ada kaitan dengan agama.

Ucapan Perdana Menteri bertajuk ‘Peranan Islam Dalam Negara Modern’ di WEF mendedahkan mengenai masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan Islam kerana penyelewengan agama oleh ulama politik dan kemunculan kumpulan yang menentang pembangunan.